

Peristiwa

DI JOHOL

tidak layak'

Oleh JAAFAR MULUP

JOHOL, Isnin — Datuk Johan Pahlawan Lela Perkasa Setia-
wan Haji Abdul Rahman Mohd Som menolak dakwaan keluarga Puan Ramlah Abdul Samad, 49, kononnya mereka berhak menyandang pesaka Undang Luak Johol dan menyifatkan tuntutan itu sebagai perbuatan memutarbelitkan aturan Adat Papatih.

Keluarga Puan Ramlah adalah daripada Suku Biduanda Raja Balang, dan hanya berhak menyandang pesaka Datuk Lembaga Tiang Balai dengan gelaran Datuk Raja Balang.

Sejak zaman dulu lagi, waris perempuan Suku Biduanda Raja Balang tidak pernah mendapat sebarang imbuhan "lemak tanah" daripada kerajaan.

Bagaimana pula mereka mendakwa berhak menyandang pesaka Undang Luak Johol, kata

Datuk Haji Abdul Rahman.

"Mereka yang layak menyandang pesaka Undang Luak Johol adalah daripada kalangan anak-anak Waris Perut Johol dan Perut Gemenchih.

"Penyandang pesaka itu digilirkan, jika jawatan Undang oleh Perut Gemenchih maka jawatan Datuk Baginda Tan Mas (Bakal Undang) disandang oleh Perut Johol seperti sekarang ini," jelasnya.

Mengenai peristiwa keluarga kembar, Lokman dan Hakim mengamuk di upacara istiadat kerjan bagi menyempurnakan istiadat bersiram di Perigi Gadang dan menaikkan daulat di Makam Gubah, Sabtu lalu, Datuk Undang berkata:

"Peristiwa itu mungkin dirancang kerana ia adalah peristiwa kedua dilakukan oleh keluarga itu".

Peristiwa pertama dilakukan oleh keluarga Puan Ramlah ketika

rombongan Datuk Undang hendak mengadap Yang Dipertuan Besar di Istana Seri Menanti, tahun lalu.

"Walaupun pagi semalam Puan Ramlah meminta maaf, kami tidak dapat menerimanya, tambahan pula perkara ini diserahkan kepada polis. Biarlah polis menyelesaikannya," kata beliau.

Sementara itu, Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan dan Tunku Ampuan mengetuai senarai orang kenamaan yang menghadiri jamuan agung, acara kemuncak istiadat kerjan (tabal) Undang Luak Johol ke-12, Datuk Johan Pahlawan Lela Perkasa Setia-
wan Haji Abdul Rahman Mohd Som di Balai Undang di sini hari ini.

Turut hadir ialah Undang Luak Jelebu, Tunku Besar Tampin, Menteri Besar, Datuk Mohd Isa Haji Abdul Samad dan isteri masing-masing.

ketua adat perlu siasat ketulenan^{11/3/87} keris pesaka

JOHOL, Selasa — Sebilangan pengamal Adat Papatih dan beberapa ketua adat Luak Johol merasa hairan dan terperanjat dengan kenyataan Datuk Lembaga, Datuk Menteri Zabudah Janang yang mendakwa dua keris pesaka yang menjadi alat kebesaran Undang Luak Johol, hilang sejak 147 tahun lalu.

Datuk Menteri Zabudah berkata, keris pesaka itu hilang pada 1840 selepas kematian Undang Luak Johol keenam Datuk Abu Bakar Gobah (Tok Buncit).

Dua keris itu sepatutnya diserahkan kepada Datuk Undang yang menggantikannya Datuk Seato (Eto) tetapi keris itu dilaporkan hilang oleh balu Allahyarham Datuk Abu Bakar.

Seorang pengamal adat berkata, penduduk Johol, terutama anak-anak Waris yang ada pesaka penyandang jawatan Undang Luak Johol tidak tahu menahu langsung akan kehilangan keris itu.

"Kami menyangka keris yang digunakan oleh enam orang Datuk Undang selepas Allahyarham Datuk Abu Bakar hinggalah kepada Datuk Undang Johol ke-12 Datuk Haji Abdul Rahman Mohd Som, adalah keris pesaka tulin.

"Bagaimanapun, keliadatan keris pesaka itu tidaklah mencacatkan istiadat perlantikan Undang dan istiadat kerjanya. Keris adalah simbol keadilan dan kepahlawanan orang Melayu, tidak lebih dari itu," katanya.

Orang yang menyimpan keris itu tidak boleh mendakwa mereka berketurunan Waris Undang pertama, Datuk Puteri Setiawan Satu dan tidak boleh menyandang pesaka Undang.

Jurucakap itu menggesa Datuk-Datuk Lembaga, Ketua-Ketua Adat serta ahli sejarah membuat kajian sama ada benar atau tidak keris yang dimiliki oleh Puan Ramlah Abdul Samad, 49, yang digunakan oleh anak kembar menghinggal istiadat kerjan Sabtu lalu adalah keris pesaka sebenar.

Kecoh tabal Undang Johol: 8/1/87 Polis tahan 4 lelaki

JOHOL, Sabtu — Empat lelaki adik-beradik yang ditangkap oleh polis di istiadat kerjan (tabal) Undang Luak Johol ke-12, Datuk Johan Pahlawan Lela Perkasa Setiawan Haji Abdul Rahman Mohd Som, di sini dikenali sebagai Lokman Ismak dan tiga lagi adiknya ialah Hakim, Hamdan dan Wahid.

Semua mereka berumur dalam lingkungan 20-an. Lokman dan Hakim adalah bersaudara kembar manakala ibu mereka pula dikenali sebagai Puan Ramlah Abdul Samad, 49.

Lokman, yang bertindak sebagai 'ketua' dan adiknya, Hakim ditahan kerana memiliki keris. Mereka berdua cuba menghalang rombongan Undang yang mengandungi kira-kira 50 orang untuk menziarahi Makam Gobah berhampiran telapak (rumah) Undang.


Mereka menuntut pesaka Undang Luak Johol ke-12 diserahkan kepada Suku mereka iaitu Ferut Biduanda Raja Balang. Datuk Haji Abdul Rahman adalah daripada Perut Gemencheh.

Mereka juga mendakwa adalah daripada keturunan Undang pertama Luak Johol, Datuk Puteri Setiawan yang disyilharkan menjadi Undang pada 1723.

Lokman dan Hakim berulang kali mendakwa ibu mereka adalah orang yang layak menyandang pesaka Undang Luak Johol ke-12 dan dengan itu meminta Datuk Haji Abdul Rahman tidak dikerjan sebagai Undang.

Mengikut aturan adat Luak Johol, anak-anak Waris Suku Biduanda Raja Balang tidak berhak menyandang pesaka Undang Luak Johol.

Anak-anak Waris berkenaan, bagaimanapun layak menyandang pesaka Datuk Raja Balang, iaitu salah seorang daripada empat Lembaga Tiang Balai luak berke-



● POLIS menahan salah seorang yang cuba menyerang rombongan Undang di istiadat kerjan (tabal) Undang Luak Johol ke-12 di Johol, Negeri Sembilan, semalam. — Gambar REPITA MINGGI

Kecoh di istiadat tabal Undang Luak

8/3/87

JOHOL, Sabtu — Kekecohan berlaku di Istiadat kerjan (tabal) Undang Luak Johol ke-12, Datuk Johan Pahlawan Lela Perkasa Setiawan Haji Abdul Rahman Mohd Som hari ini apabila tiga lelaki adik-beradik, dua daripada mereka yang bersaudara kembar dan bersenjatakan keris serta ibu mereka 'mengamuk' di Makam Gobah dekat sini.

Ini menyebabkan Istiadat itu tergendala selama hampir empat jam. Bagaimanapun, ia diteruskan semula selepas polis menangkap tiga lelaki dan wanita berkenaan.

Turut ditangkap ialah seorang lagi saudara lelaki mereka. Bagaimanapun, ibu mereka dibebaskan selepas disoal-siasat.

Dua daripada mereka ditahan kerana memiliki senjata manakala dua lagi ditangkap kerana menghalang polis daripada menjalankan tugas.

Datuk Haji Abdul Rahman, 78, tidak mengalami sebarang kecederaan dan beliau dibawa ke rumah ketua kampung Tanggal, Haji Harun Mulup berhampiran kawasan makam itu semasa berlaku kekecohan.

Kejadian itu berlaku pada kira-kira jam 9.15 pagi ketika rombongan Undang yang mengandungi seramai 50 orang sedang dalam perjalanan menuju ke Makam Gobah dari telapak Datuk Haji Abdul Rahman di Kampung Simpang.

Tiba-tiba tiga lelaki, dua daripadanya bersenjatakan keris dan seorang wanita menghalang rom-

bongan Undang daripada menghampiri makam berkenaan. Istiadat menziarahi makam itu adalah sebahagian dari Istiadat kerjan Undang Luak Johol.

Tiga lelaki berkenaan kemudian mendakwa bahawa ibu mereka adalah penyandang pesaka Undang Luak Johol yang sah dan dengan itu menuntut supaya Datuk Haji Abdul Rahman tidak ditabal menjadi Undang Luak Johol ke-12.

Mereka mendakwa adalah daripada Suku Biduanda Raja Balang, yang berasal dari keturunan Undang pertama, Datuk Puteri Setiawan (perempuan), yang disytiharkan menjadi Undang pada 1723.

Suasana menjadi bertambah tegang apabila mereka 'menawan' makam itu sambil menuntut supaya pesaka Undang Luak Johol ke-12 diserahkan kepada Suku mereka dan pesaka Datuk Baginda Tan Mas, bakal Undang Luak Johol kepada Perut Gemencheh.

Pengerusi Istiadat Kerjan, merangkap Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Johol, Encik Darus Salim Bullin, dan beberapa orang ahli jawatankuasa Istiadat kerjan yang lain kemudian cuba memujuk mereka supaya bersural dan menyerah diri.

Kira-kira 40 anggota Polis Simpanan Persekutuan (FRU) dari Seremban dan Unit Pencegah Rusuhan dari Kuala Pilah dan Gemas kemudian dikerahkan ke kawasan makam bagi mententeramkan keadaan.

Selepas 'berunding' selama hampir sejam, mereka bersetuju untuk menyerahkan senjata.